

MEGA “ FOD SWEEP ” DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3384-mega-fod-sweep-di-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 20 Apr 18 – Pangkalan Udara Gong Kedak dengan kerjasama Bahagian Keselamatan Pangkalan telah mengadakan Mega “FOD Sweep” di sepanjang runway yang diketuai Pegawai Keselamatan Pangkalan, Mej Nor Qhaireel Izzuan bin mohd Noor TUDM.

Program ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kemalangan pesawat yang disebabkan benda asing seperti batu atau objek yang boleh mengganggu pergerakan pesawat. Selain itu juga, aktiviti ini dapat menerapkan sikap dan budaya bahawa pentingnya keselamatan didalam pangkalan mahupun diluar pangkalan yang perlu diutamakan kepada setiap anggota.

Turut hadir pada program tersebut Komander Pangkalan, Brig Jen Dato’ Suhaimi bin Hussain TUDM, Pegawai Memerintah No 11 Skn, Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee@Ahmad Rofie TUDM serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota LLP.



